

25/11/1998

MDC tunda mesyuarat panel IAP

Hatipah Ahmad

PERBADANAN Pembangunan Multimedia (MDC) bercadang menangguhkan mesyuarat tahunan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC) buat kali ketiga, pada Julai ini daripada tarikh dicadangkan sebelumnya.

Sebelum ini tarikh biasa diadakan mesyuarat tahunan bagi panel IAP di Cyberjaya ialah Februari dan sehingga kini mesyuarat diadakan dua kali.

Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata beliau sudah menemui dan mengemukakan cadangan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi IAP.

Bagaimanapun, beliau tidak mengulas lanjut mengenai keputusan Perdana Menteri sama ada cadangan itu diterima atau tidak.

IAP ialah panel penasihat yang diketuai pakar teknologi dan multimedia antarabangsa dan ia diwujudkan untuk memberi idea kepada kerajaan dalam membangunkan industri multimedia tempatan.

Panel itu dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir dan ia mempunyai 30 ahli seperti Pengerusi Acer Inc, Dr Stan Shih dan tokoh strategi pengurusan Jepun, Kenichi Ohmae.

Katanya, antara sebab mesyuarat itu ditangguhkan ialah menjangka kemudahan yang dicadangkan dalam pembangunan MSC berjaya disiapkan sebelum Julai ini.

"Adalah menjadi sasaran kita untuk menyiapkan beberapa projek tertentu seperti Universiti Multimedia, Pusat Inkubator dan Makmal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) NTT mengikut jadual sebelum ia diperlihatkan kepada ahli panel IAP.

"Ini kerana MDC mahu mesyuarat tahunan kali ketiga ini menyaksikan beberapa kemajuan dalam MSC sebagaimana dirumuskan pada mesyuarat sebelumnya dan kalau boleh kami mahu mempertontonkannya kepada anggota panel pada Julai ini," katanya di Cyberjaya, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Penyelidikan dan Penyelesaian Sistem Arthur Andersen Business Consulting Opens Solution di ibu pejabat MSC di Cyberjaya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Rakan Urusan Negara Arthur Andersen, Abdul Samad Alias; Pengarah Serantau ATG, William Hutchison dan Ketua Bahagian Perunding Perniagaan, Chew Liong Kin.

Pada masa sama, Dr Othman berkata, tiga pakar teknologi multimedia dan digital iaitu seorang dari Australia dan dua dari India akan dibawa masuk dalam IAP.

Beliau yang enggan mengumumkan nama mereka berkata, ketiga-tiga mereka adalah pakar dalam pelbagai bidang multimedia seperti rakyat Australia yang mahir dalam perdagangan elektronik (E-Dagang) manakala seorang dari rakyat India itu pernah menjadi penasihat kepada bekas Perdana Menteri India, Rajiv Gandhi.

Sementara itu, beliau turut mengesahkan salah seorang ahli IAP iaitu Alvin Toffler yang dikatakan akan keluar daripada IAP, masih menjadi ahli panel perunding itu.

Katanya, Toffler sudah mengesahkan beliau tidak berniat untuk keluar daripada panel penasihat itu dan semua pihak perlu menghormati keputusan beliau untuk kekal sebagai ahli IAP.

Selain itu, katanya, ada kira-kira 50,000 kaki persegi ruang dan kemudahan dalam MSC yang boleh disewa dan ia dijangka dapat disediakan menjelang akhir tahun ini.

Menurut beliau, pihaknya juga mengunjurkan 6,000 pelajar akan menuntut di Universiti Multimedia apabila dibuka pada 1999 dan 50,000 pelajar lagi apabila universiti itu mencapai keupayaan maksimum.

Sementara itu, beliau turut menerangkan mengenai inisiatif terbaru mekanisme pembiayaan khas MSC membabitkan penyertaan Bank Negara Malaysia, syarikat modal teroka dan institusi kewangan bagi menyediakan sumber kewangan kepada syarikat teknologi kecil dan sederhana.

(END)